

25/10/2003

Usah biar Timor Leste dieksploitasi

BERBANDING Malaysia, Timor Leste memerlukan perjalanan yang jauh sebelum mampu mencapai tahap kemajuan ekonomi yang benar-benar kukuh. Perjalanan untuk mencapai kejayaan penuh ranjau dan duri. Malaysia turut mengalami pengalaman pahit terutama sewaktu menghadapi kegawatan ekonomi 1997-98 yang hampir melumpuhkan jentera pembangunan dan menjejaskan sektor perindustrian negara. Bagaimanapun, banyak pengalaman negara boleh dikongsi bersama dengan Timor Leste. Inilah yang ditawarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat negara itu, kelmarin.

Walaupun benar pucuk pimpinan Timor Leste diyakini mampu membangunkan negaranya yang baru merdeka, proses itu dapat dipermudah dan dipercepatkan dengan sokongan negara berpengalaman.

Kesungguhan Malaysia untuk membantu menggerakkan pembangunan di Timor Leste dapat dilihat dengan kehadiran lebih 90 syarikat yang melabur dalam

bidang perhotelan dan restoran, khidmat runding cara, perakaunan, teknologi maklumat, pengangkutan, perkapalan, perdagangan dan tenaga bagi

mengiringi lawatan Dr Mahathir. Malaysia adalah pelabur kedua terbesar di

Timor Leste. Usaha kerajaan Xanana Gusmao membina semula negara itu menjadi mudah berikutan adanya Peta Pandu Arah yang turut sama merancang cara mewujudkan peluang pekerjaan dan mengurangkan kemiskinan. Satu lagi aspek yang diambil berat oleh kerajaan Gusmao ialah pembangunan sumber manusia dan dalam bidang inilah Malaysia menawarkan kepakaran untuk dikongsi bersama.

Sebagai pemimpin negara asing pertama melawat Timor Leste, Dr Mahathir mengambil peluang menasihatkan kerajaan Dili agar berhati-hati ketika berunding mengenai konsesi pengeluaran bahan mentah dengan syarikat gergasi negara maju. Ini berdasarkan apa yang kita alami ketika mengadakan

perjanjian perkongsian pengeluaran bahan asli iaitu sikap syarikat diberikan konsesi yang memeterai perjanjian berat sebelah yang menguntungkan mereka. Dalam mengadakan rundingan, Timor Leste yang kaya bahan mentah harus waspada kepada pelbagai janji manis diluahkan kerana latar belakang syarikat yang merundingkan konsesi itu harus dikaji dengan teliti.

Nasihat Dr Mahathir itu tidak syak lagi ada kaitan dengan usaha meneroka

dan mengeluarkan minyak di Celah Timor yang dijangka dapat memberi sumbangan besar dari segi kewangan kepada Timor Leste. Kerajaan Dili yang

merundingkan semula isu konsesi pengeluaran minyak itu dengan syarikat Australia harus mengambil iktibar daripada pengalaman buruk negara miskin

yang ditipu negara kaya khusus dalam pengeluaran minyak dan gas.

Hendaknya

pemimpin Timor Leste tidak membiarkan hasil bumi mereka dieksploitasi hingga menjejaskan usaha membina ekonominya yang sudah lama terabai.